

**PERSEPSI PENSYARAH TERHADAP PENERIMAAN PELAJAR ASING DALAM TEKNIK
PENGAJARAN KEMAHIRAN BERTUTUR BAHASA MELAYU**

*OT(Lecture Perception of the Interest of Foreign Students Towards the Techniques Used
in the Teaching of Malay Speaking Skills)*

SITI SANIAH ABU BAKAR

saniah@fbk.upsi.edu.my

Universiti Pendidikan Sultan Idris

ADENAN AYOB

adenan@fbk.upsi.edu.my

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Diserah pada:

10 Mei 2013

Diterima pada:

21 September 2013

Koresponden:

saniah@fbk.upsi.edu.my

Abstrak: Kajian ini dijalankan untuk meninjau persepsi pensyarah terhadap penerimaan pelajar asing dalam teknik pengajaran kemahiran bertutur Bahasa Melayu yang digunakan. Data diperoleh berdasarkan temu bual yang dilakukan terhadap 10 orang responden yang terdiri daripada pensyarah di institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Dapatan kajian menunjukkan terdapat 10 teknik pengajaran yang digunakan oleh responden yang ditemu bual iaitu penggunaan multimedia, penggunaan gambar, berstruktur, pengajaran berulang, pengayaan kosa kata, hafalan, teknik sintaksis, latihan dan pembentangan. Kesemua teknik yang digunakan diminati oleh pelajar namun, terdapat 3 teknik yang tidak diminati oleh sebahagian pelajar iaitu teknik pengayaan kosa kata, latihan dan pembentangan.

Kata kunci: Kemahiran bertutur, Bahasa Melayu, persepsi, minat, pelajar asing, teknik pengajaran.

Abstract: This study was conducted to identify lecturers' perceptions of the interest of foreign students towards the techniques used in the teaching of Malay-speaking skills. Data obtained were based on 10 respondents consisting of lecturers in public and private higher education. The data show that there were 10 teaching techniques used by the respondents. The techniques are the use of multimedia, pictures, structured lessons, repeated lessons, vocabulary, memorizing, syntactic techniques, exercises and presentations. The students were interested in all techniques except for three techniques which are not favourite by some of them, namely vocabulary building, exercises and presentations.

Keywords: Speaking skills, Malay language, perception, interest, foreign students, teaching methodology.

PENGENALAN

Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di institusi pengajian tinggi (IPT) yang dilaksanakan dalam tempoh 5 tahun bermula 2011 hingga 2015, mempunyai empat objektif strategi iaitu mengukuhkan bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran, mengukuhkan bahasa Melayu dalam penyelidikan dan penerbitan, meningkatkan pengiktirafan akademia Bahasa Melayu dalam pelbagai disiplin ilmu dan meningkatkan pengantarabangsaan bahasa Melayu (Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia, 2011). Berdasarkan pelan tersebut, Kursus Bahasa Melayu Komunikasi diwajibkan kepada pelajar antarabangsa bagi memenuhi matlamat mengukuhkan bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran.

Walaupun keputusan mewajibkan kursus Bahasa Melayu telah dibuat, susulan dari lulusnya Akta Pendidikan 1996 dan Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996, namun pelaksanaan pelan tindakan ini dilihat mampu mengukuhkan dan memartabatkan bahasa Melayu pada peringkat antarabangsa. Malahan sasaran yang ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (kini dikenali sebagai Kementerian Pendidikan Malaysia bermula Mei 2013), ialah menghasilkan 15% pelajar antarabangsa yang cemerlang (A) dalam kursus Bahasa Melayu Komunikasi di IPT menjelang 2015 merupakan perancangan yang bijak dengan melibatkan semua IPT di Malaysia.

PERNYATAAN MASALAH

Setelah Bahasa Melayu dijadikan sebagai kursus wajib bagi pelajar asing yang menyambung pengajian di Malaysia sejak 17 tahun lalu, pelbagai isu telah dibangkitkan. Antara isu yang dibincangkan ialah kebanyakan pelajar asing yang mengikuti kursus Bahasa Melayu di IPT menghadapi masalah dan lemah dalam menguasai kemahiran berbahasa Melayu yang dipelajari dalam tempoh masa yang ditetapkan (Fa'izah, Zamri dan Mohamed Amin, 2009). Menurut Nunan (1991) seseorang kanak-kanak yang dapat menguasai kemahiran lisan dengan baik mempunyai kecenderungan untuk menjadi pembaca dan penulis yang baik dalam sesuatu

bahasa. Penguasaan kemahiran ini adalah satu aspek penting yang menentukan kejayaan pengajaran dan pembelajaran bahasa. Kemahiran dalam bertutur sangat penting supaya maksud komunikasi tercapai dengan jayanya. Oleh itu, pengajaran dalam bidang ini mestilah dilakukan dengan sistematik supaya pelajar dapat dibantu menguasai kemahiran ini dengan baik. Pengajaran yang dapat menarik minat pelajar sangat diperlukan dalam usaha untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Melayu dalam kalangan mereka.

Menurut Tuan Jah dan Faridah (2011), teknik pengajaran merupakan taktik atau cara-cara yang digunakan oleh guru untuk mencapai hasil segera dan maksimum ketika menyampaikan sesuatu pengajaran. Teknik ini dicipta dan ditentukan sebelum pelaksanaan pengajaran. Setiap teknik yang digunakan adalah selaras dengan kaedah yang digunakan dan sejajar pula dengan pendekatan yang dipegang. Teknik pengajaran juga boleh dirujuk sebagai alat yang digunakan oleh guru bahasa untuk menyampaikan bahan-bahan pengajaran yang telah dipilih untuk murid-muridnya. Zamri (2012) pula menyatakan teknik melibatkan kecekapan seorang guru dalam mengendalikan kaedah pengajaran yang telah dilakukan. Teknik yang dilakukan juga mestilah bersesuaian dengan kaedah pengajaran.

Oleh itu, teknik pengajaran kemahiran bertutur yang mempunyai prinsip-prinsip tertentu mesti diikuti oleh tenaga pengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran kemahiran bertutur. Penguasaan kemahiran ini ialah satu aspek penting yang menentukan kejayaan pengajaran dan pembelajaran bahasa kedua dan bahasa asing (Nunan, 2003).

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk:

1. Mengenal pasti teknik-teknik yang digunakan pensyarah dalam pengajaran kemahiran bertutur Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing; dan
2. Mengenal pasti teknik-teknik yang diminati dan teknik yang tidak diminati oleh pelajar asing dalam mempelajari kemahiran bertutur Bahasa Melayu.

METODOLOGI

Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif melalui instrumen temu bual bagi mendapatkan data penyelidikan. Patton (1990) menyatakan terdapat tiga jenis teknik temu bual iaitu temu bual formal, temu bual tidak formal, dan temu bual terbuka. Meriam (1998) juga menyatakan terdapat tiga jenis temu bual, iaitu temu bual berstruktur, temu bual separa berstruktur, dan temu bual tidak berstruktur. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan temu bual secara terbuka dan separa berstruktur kerana penyelidikan ini bersifat fleksibel dan keadaan ini membolehkan responden menghuraikan apa-apa yang difikirkan sesuai kepada penyelidik. Temu bual dijalankan di IPTA dan IPTS dengan melibatkan pensyarah yang mengajar subjek Bahasa Melayu kepada pelajar asing dengan menggunakan log temu bual yang telah disediakan. Temu bual direkodkan dan hasil temu bual akan dianalisis untuk mendapatkan maklumat serta mengetahui teknik yang menarik minat pelajar asing untuk bertutur dalam Bahasa Melayu berdasarkan persepsi pensyarah.

Temu bual dirakam dengan menggunakan MP3. Sesi temu bual tersebut berpandukan log temu bual yang telah disediakan terlebih dahulu sebagai rujukan kepada pengkaji untuk melaksanakan temu bual bersama-sama responden tersebut. Rakaman itu kemudiannya diberikan kod, diletakkan tarikh dan ditranskripsikan secara verbatim. Abjad R mewakili responden manakala nombor 1, 2, 3 hingga 10 yang ditandai selepas abjad R merujuk kepada responden pertama, kedua dan seterusnya. Sebelum transkrip itu dianalisis, transkrip disahkan oleh responden temu bual bagi mendapatkan persetujuan mereka terhadap kandungan transkripsi itu terlebih dahulu. Setelah itu, data tersebut dianalisis bagi mewujudkan tema-tema yang berkaitan.

DAPATAN KAJIAN

Dapatan hasil kajian melalui temu bual dengan 10 orang responden yang merupakan pensyarah di universiti yang terpilih mendapati, terdapat 10 teknik yang digunakan dalam pengajaran Bahasa Melayu untuk pelajar asing, iaitu teknik penggunaan gambar, teknik berstruktur,

pengajaran berulang, pengayaan kosa kata, hafalan, teknik sintaksis, latihan, pembentangan, teknik lakonan dan penggunaan multimedia. Berdasarkan persepsi pensyarah yang ditemu bual, kesemua teknik yang digunakan ini diminati oleh pelajar. Namun, terdapat tiga teknik yang tidak diminati oleh segelintir pelajar, iaitu teknik pengayaan kosa kata, latihan dan pembentangan.

Teknik Pengajaran yang Diminati

Berdasarkan 10 teknik yang digunakan pensyarah beranggapan bahawa kesemuanya diminati oleh para pelajar berdasarkan respons pelajar sendiri semasa sesi pengajaran. Teknik yang mendapat perhatian dan menjadi minat pelajar ialah teknik menggunakan gambar. Teknik ini bersesuaian dengan teknik yang dikemukakan oleh Nation dan Newton (2009) bahawa penggunaan gambar atau objek dapat mengekalkan minat pelajar. Pensyarah menerangkan sesuatu tajuk menggunakan gambar contohnya kata arah, kata nama, dan sebagainya. Contohnya seperti yang dilakukan oleh R3 berikut:

“Di antara teknik yang saya gunakan adalah teknik melalui penggunaan gambar. Contohnya, saya mengajar tentang kata arah, jadi saya akan tunjukkan gambar tersebut. Contohnya, arah utara, selatan, timur, dan barat. Saya juga tunjukkan kata nama, kata adjektif, melalui gambar. Sebab melalui gambar, mereka lebih senang untuk lebih nampak apa-apa yang ingin diajar. (R3)”

Menurut responden, penggunaan gambar lebih memudahkan pemahaman mereka. Hal ini demikian kerana mereka lebih jelas dan mendapat gambaran perkataan yang disebut. Dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian yang dilakukan oleh Rosni (2012). Kajian yang dilakukan beliau menunjukkan guru di sekolah menengah juga gemar menggunakan gambar atau objek dalam teknik terjemahan untuk menerangkan makna sesuatu kosa kata. Penggunaan gambar tidak terhad dalam aktiviti itu sahaja, malah Nation & Newton (2009) mencadangkan pensyarah menggunakan gambar bagi mengenal pasti bunyi. Contohnya pensyarah menunjukkan gambar batu

dan baju. Jika pensyarah menyebut “batu” pelajar mesti menunjukkan gambar batu dan begitu juga jika guru menyebut perkataan “baju”. Pensyarah juga boleh mengenal pasti siapa yang menunjukkan gambar yang salah dengan menjarakkan gambar-gambar tersebut.

Selain daripada minat pensyarah menggunakan gambar demi menarik perhatian pelajar, teknik berstruktur turut menjadi salah satu teknik yang digunakan oleh pensyarah dan diminati pelajar. Teknik ini mengamalkan cara pengajaran secara sistematik iaitu dengan mengajar satu persatu. Apabila pelajar sudah mahir tentang sesuatu tajuk, barulah pensyarah akan bertukar kepada tajuk yang berikutnya seperti yang dilakukan oleh responden berikut:

“...saya guna teknik berstruktur. Jadi kalau yang pertama, saya ajarkan kata nama, minggu akan datangnya, akan ada kata sifat, kata kerja...” R1

Bertepatan juga dengan pendapat Jamaliah (1995) yang mengatakan bahawa pengajaran bidang bahasa mestilah dilakukan dengan sistematik supaya pelajar-pelajar dapat dibantu menguasai kemahiran ini dengan baik. Teknik ini diaplikasikan supaya pelajar dapat memahami dan menguasai satu topik demi satu topik dan ini akan memudahkan pelajar untuk menguasai sesuatu tajuk yang diajar. Teknik ini juga sesuai dengan Prinsip Nation dan Newton (2009) yang mengesyorkan pensyarah supaya tidak mengajarkan terlalu banyak perkataan baru dalam satu-satu masa. Malah mereka mencadangkan supaya pensyarah memfokuskan kepada perkataan yang dekat dengan pelajar dan selalu digunakan. Menurut mereka, teknik ini akan memudahkan pelajar untuk mengingat dan seterusnya menggunakannya.

Di samping itu, dapatan kajian juga menunjukkan pelajar asing juga meminati teknik pengajaran berulang dalam pengajaran kemahiran bertutur Bahasa Melayu. Dalam membina kecekapan kemahiran bertutur, pengajaran secara berulang sangat ditekankan (Nation dan Newton, 2009). Prinsip yang dikemukakan oleh Nation dan Newton ini telah menggariskan aktiviti secara berulang bagi meningkatkan kecekapan berbahasa seseorang sama ada dari segi pendengaran, pertuturan, pembacaan mahupun penulisan.

Contohnya, pembacaan secara berulang dan penceritaan secara berulang. Hal ini bertepatan dengan pengajaran berulang yang dilakukan oleh R3 seperti respons berikut:

“...proses pembelajaran berulang. Tapi agak sukar untuk menerapkan proses kosa kata tersebut kerana kelas sekali seminggu. Kemudian lagi satu, bagaimana pula nak bina ayat, dan sebagainya. Dan mereka tidak boleh mengadaptasikan apa yang dipelajari tersebut serta merta.” (R3)

Bersandarkan kepada Prinsip MINUS yang dikemukakan oleh Nation dan Newton (2009), mereka menyarankan agar guru tidak terlalu banyak mengajarkan bahasa yang baru kepada pelajar. Jadi, melalui pengajaran secara berulang ini, pelajar tidak terlalu didedahkan dengan kosa kata baru dan memudahkan pelajar untuk mengingatnya. Bukan itu sahaja, malah dalam sebutan dan bunyi juga pensyarah disarankan agar mengulang bunyi tersebut secara perlahan-lahan beberapa kali dengan tekanan dan intonasi yang biasa sehingga pelajar dapat membetulkan sebutan mereka sendiri dengan meniru sebutan pensyarah. Selain itu, pensyarah dicadangkan supaya mengulang bunyi tersebut secara perlahan-lahan beberapa kali dengan memberi lebih tekanan dan intonasi pada bahagian yang disalah sebut. Teknik yang digunakan, iaitu pengayaan kosa kata merupakan teknik yang turut diminati oleh pelajar asing. Hal ini demikian bertepatan dengan pendapat R1 sendiri yang mengatakan bahawa pelajar memang berminat dengan teknik tersebut seperti yang dinyatakan berikut:

“...pelajar-pelajar ini berminat. Cuba tengok...xxx tengok yang saya *present* kajian saya itu, pelajar ini berminat...minat dia datang apabila dia masuk ke kelas ini. (R1)

Teknik pengayaan kosa kata dan membina ayat merupakan teknik yang sesuai dijalankan dalam pengajaran kemahiran bertutur. Dapatan ini bertepatan dengan hasil kajian yang diperoleh Sueraya, Ismail, Arifin dan Ismaiel Hassanein (2010) yang menyatakan strategi pembelajaran

yang utama di dalam kelas adalah dengan mengumpulkan kosa kata baharu dan kaedah ini disukai oleh pelajar. Dapatan seterusnya juga mendapati pensyarah menggunakan teknik hafalan seperti teknik hafalan 20 kosa kata yang digunakan oleh R1. Teknik ini dikategorikan di bawah pengajaran dan pembelajaran berpusatkan guru kerana melalui aktiviti ini guru atau pensyarah bertindak secara autokratik dan memberikan arahan kepada pelajar. Guru juga amat mementingkan pencapaian objektif pengajaran (Zamri, 2012). Teknik ini sangat berkesan digunakan untuk pengajaran kemahiran bertutur Bahasa Melayu seperti komen berikut:

“Kesan...sangat kesan. Kalau nak tahu kesan tak kesan...saya tunjukkan. Ini dia contoh... xxx tengoklah ini, pelajar-pelajar saya yang dapat markah tinggi-tinggi sikitlah. Ni...macam ni paling bagus ni ha...” (R1)

Teknik hafalan digunakan supaya pelajar kaya dengan kosa kata dan dapat bertutur dalam bahasa yang diajar. Kemahiran bertutur merupakan pembelajaran melalui fokus makna-output. Hal ini bermaksud, pembelajaran dilakukan dengan bertutur dan menulis iaitu perhatian pelajar adalah untuk menyampaikan idea dan mesej kepada orang lain (Nation & Newton, 2009). Memandangkan kemahiran bertutur memerlukan pelajar menyampaikan atau melahirkan idea atau mesej, maka sejumlah kosa kata tertentu diperlukan. Untuk mendapatkan kosa kata yang cukup dan memadai untuk mereka menyampaikan mesej tersebut, maka teknik hafalan digunakan. Teknik hafalan kosa kata juga merupakan antara strategi pembelajaran bahasa (SPB) yang kerap digunakan oleh pelajar asing semasa menghadapi peperiksaan (Siti Saniah, 2012). Hal ini jelas menunjukkan bahawa pelajar sendiri berminat menggunakan kaedah ini.

Pelbagai strategi yang digunakan untuk menggalakkan pelajar asing ini menghafal seperti R8 lakukan ialah hafal dan sebut kembali secara individu. Setiap pelajar mesti dapat sebut dan hafal dengan tepat sebelum berubah ke topik yang baru. Untuk menggalakkan mereka mengingat kosa kata yang perlu, ada responden yang tidak membenarkan pelajar mereka menandatangani

kedatangan untuk hari tersebut sekiranya mereka gagal untuk mengingat. Keadaan ini memaksa mereka untuk menghafal. Kedatangan penting bagi sesetengah universiti di Malaysia kerana sekiranya kedatangan mereka tidak cukup 80 peratus, mereka tidak dibenarkan menduduki peperiksaan akhir. Dengan paksaan yang sebegitu, maka pelajar terpaksa untuk menghafal.

Selain itu, teknik sintaksis yang digunakan oleh responden juga merupakan teknik yang diminati dalam pengajaran Bahasa Melayu kepada penutur asing. Pensyarah akan mengajar ayat dari unit yang terkecil dan pelajar perlu mengembangkan ayat tersebut menjadi unit yang lebih besar seperti yang dilakukan oleh R1 berikut:

“Pada unit yang terkecil, kita akan besarkan. Jadi ia konsep sintaksis. Jadi, kalau sintaksis itu makin lama makin berkembang, maka budak itu akan berkembang la. Ayat-ayat dia akan berkembang. Sebab itu cara saya yang ajar pun...contoh, emak memasak. Ok emak memasak nasi. Ok emak memasak nasi putih. Emak memasak nasi putih di dapur. Emak memasak nasi putih di dapur pagi tadi. Ok dia mesti *at the end of this semester*, masa soalan *final*, dia mampu buat ayat macam tu, dan dia akan dapat markah tinggi. (R1)

Teknik ini turut digunakan dalam pengajaran kemahiran bertutur Bahasa Arab seperti dapatan kajian oleh Zawawi, Ab Halim, Nik Mohd Rahimi dan Mohd Ala-Uddin (2011). Dapatan kajian mereka menunjukkan teknik pengajaran dalam Bahasa Arab menggunakan teknik perluasan ayat, iaitu dengan mengembangkan ayat yang diberi. Kajian juga mendapati bahawa melalui kaedah ini, pengetahuan kosa kata atau perbendaharaan kata pelajar mampu ditingkatkan. Hal ini demikian kerana, melalui kosa kata yang luas yang dapat memahirkan pelajar dalam kemahiran bertutur dalam sesebuah bahasa. Terdapat juga pensyarah yang menggunakan teknik memberi latihan kepada pelajar. Zamri (2012) mengesyorkan agar teknik pengajaran berasaskan latihan diperkenalkan kepada pelajar dalam proses pengajaran. Latihan atau latihan tubi adalah aktiviti pengulangan fakta-

fakta atau kecekapan yang dipelajarinya dan tujuannya adalah untuk menguasai kemahiran tersebut di samping menjamin kekekalannya (Kamarudin & SitiHajar, 1998).

Selain itu, teknik lakonan merupakan antara yang diminati pelajar dalam kajian ini seperti yang dikatakan oleh R6 “...nampak mereka gembira bila berlakon.” Drama atau lakonan yang digunakan sebagai salah satu daripada teknik P&P merupakan antara teknik untuk menarik minat pelajar sehingga mereka lebih selesa dan mudah dalam mengikuti proses P&P. Selain dapat menambah kefahaman pelajar, teknik ini dapat meningkatkan daya ingatan terhadap apa-apa yang dipelajari, mengembangkan daya imaginasi dan kreativiti serta membantu dalam kemahiran bertutur (Siti Saniah, 2012). Malah Smigel dan Merrit (1999) menyatakan bahawa aktiviti lakonan atau drama dalam kurikulum di universiti amat membantu dalam meningkatkan kemahiran insaniah pelajar.

Berdasarkan Siti Saniah (2012), yang menjalankan kajian tentang pandangan pelajar terhadap aktiviti drama berbentuk digital semasa mempelajari bahasa Melayu menunjukkan bahawa 100% pelajar berminat dengan aktiviti tersebut. Aktiviti ini yang memerlukan 5 langkah iaitu penerangan, pemilihan tajuk, percambahan idea, perbincangan, rakaman serta pembentangan sebagai proses bagi menjayakan teknik ini, didapati sangat menarik perhatian pelajar. Malah pelajar berpandangan bahawa mereka melakukan aktiviti ini dalam keadaan yang santai, boleh menghilangkan tekanan dan berupaya melatih mereka supaya tidak terlalu malu. Keadaan ini bertepatan dengan pandangan Nation & Newton (2009) yang menyatakan bahawa kejayaan pelajar dan pengalaman pembelajaran yang kurang tekanan adalah penting. Hal ini kerana terdapat bukti yang kukuh menunjukkan bahawa kerisauan mempengaruhi kehendak pelajar untuk berkomunikasi di dalam bahasa kedua (Yashima, 2002).

Teknik seterusnya yang diminati dalam pengajaran kemahiran bertutur dalam kalangan pelajar asing adalah dengan penggunaan multimedia. Terdapat dua bentuk penggunaan teknologi komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Pertama, komputer digunakan sebagai bahan bantu mengajar. Kedua, komputer digunakan sebagai bahan untuk

melakukan pengajaran dan pembelajaran. Walaupun begitu, secara umumnya di dalam bilik darjah, komputer digunakan sebagai alat untuk menyampaikan maklumat, pembimbing, pelatih, atau penilai prestasi pelajar (Alessi dan Trollip, 1985; Boschmann, 1995).

Teknik yang melibatkan teknologi dan multimedia didapati menarik perhatian dan minat pelajar. Antara aktiviti yang dilakukan oleh responden ialah dengan mengguna pakai *face book*, *blue tooth*, *you tube*, *Microsoft*, *power point* dan sebagainya seperti yang dilakukan oleh R5, R7 dan R9. Ledakan teknologi komputer dan elektronik ini menjadi perhatian pendidik, termasuklah dalam bidang bahasa. Penggunaan teknologi dan multimedia turut diaplikasikan di Deakin University, Melbourne dalam pengajaran Bahasa Indonesia sebagai bahasa asing (Ismet, 2003 dalam Atiah & Ramlah, 2003). Hal ini demikian kerana, teknik ini bertepatan dengan generasi kini yang mahir menggunakan teknologi komputer dan multimedia dan kurang berminat dengan teknik konvensional, seperti yang dinyatakan responden berikut:

“Mula-mula kami fikirkan itu (pelajar bentang dalam bentuk *power point*, dalam bentuk video) akan menyusahkan pelajar. Tetapi rupanya pelajar suka dengan tajuk seperti itu. Sebab dari segi persembahan contohnya, guna *power point*, guna video, pelajar memang mahir. Dia dah ada kemahiran menggunakan komputer. Kadang-kadang apabila pelajar membentang, kita tengok memang hebat. Cuma isinya perlu kita baiki.” (R9)

P&P yang melibatkan penggunaan multimedia ini lebih meyakinkan tenaga pengajar dan menarik perhatian serta minat pelajar sehingga kelas yang dikendalikan mendapat perhatian dan menjadi tumpuan pelajar. R7 menyatakan bahawa “*Saya dapati sangat berkesan dan saya rasa semester inilah saya rasa sangat puas. Saya ada 11 orang pelajar. 11 orang masih ada sehingga penghujung semester.*” Pengajaran berasaskan multimedia atau komputer ini lebih menekankan kebolehan pelajar memahami sesuatu aspek bahasa tersebut secara semula jadi (Krashen,

1984). Berbeza dengan pendekatan behaviorisme dan komunikatif, pendekatan ini tidak mementingkan latihan dalam penguasaan bahasa seseorang pelajar, sebaliknya mengutamakan pengalaman melibatkan deria dan pemikiran kreatif diperbanyakkan untuk diteroka oleh pelajar. Hal ini demikian kerana pelajar boleh belajar bertutur secara semula jadi berbeza dengan aktiviti-aktiviti lain yang tidak diminati oleh mereka. Pengajaran yang mampu menarik minat murid akan dapat menarik perhatian mereka di dalam kelas.

Teknik Pengajaran yang Tidak Diminati

Walaupun teknik pengayaan kosa kata diminati oleh pelajar, terdapat juga sebahagiannya yang tidak meminati teknik ini. Hal ini demikian dapat dikesan berdasarkan reaksi negatif sesetengah daripada mereka terhadap pengajaran kosa kata yang berdasarkan aktiviti membuat kamus kosa kata. Berikut merupakan petikan temu bual dengan R10:

“Saya minta mereka buat kamus kosa kata sendiri. Dia buat paling kurang lima kosa kata setiap hari. Dia cari di luar...apabila datang ke kelas, dia tunjuk pada saya...dan saya akan tengok. Setiap hari akan bertambah-tambah. Cuma benda ni ada pelajar yang buat, ada pelajar yang buat separuh jalan. Kemudian dia kata bukunya hilang... bila dia dah rasa payah dia nak ingat semua, dia kata lah buku dia hilang. Dia kena buat yang baru. Jadi, itu memang ada masalah.”
R10

Aktiviti membuat kamus kosa kata sendiri merupakan antara aktiviti yang dilakukan sebagai salah satu teknik dalam menguasai kosa kata. Namun begitu, strategi yang digunakan kemungkinan tidak sesuai dengan masa, tahap dan keadaan pelajar tersebut. Didapati bahawa R10 meminta mereka menonton berita dan jika terdapat kosa kata yang tidak difahami, pelajar mencatatnya dan mencari makna seperti petikan R10 berikut:

“Saya minta mereka tengok berita. Pelajar yang tengok berita tu dia tulis apa yang dia rasa tak faham, dia tulis. Bila datang ke kelas, ada yang cari makna...(dia akan tanya jika) dia tak jumpa perkataan yang ada imbuhan.”
R10

Jika dilihat bahawa aktiviti ini baik sekiranya dilakukan kepada pelajar yang berada pada tahap tinggi dan bukannya pada peringkat asas dalam pembelajaran bahasa asing. Menurut Nation dan Newton (2009), guru atau pensyarah sering melakukan kesilapan dengan mengajar terlalu banyak perkataan atau bahasa baru kepada pelajar tanpa memberi ruang yang cukup untuk pelajar memahaminya. Peraturan yang ringkas dalam pembelajaran bahasa adalah “*belajar sedikit, guna banyak*”.

Dapat dikatakan di sini bahawa, aktiviti ini kurang sesuai dijalankan memandangkan pelajar hanya mencari makna bagi kosa kata yang tidak difahami. Sedangkan cara menggunakan perkataan tersebut tidak dijelaskan dan diberi latihan secukupnya. Menurut Nation dan Newton (2009), bagi mengaplikasikan “*belajar sedikit, guna banyak*”, perkataan yang utama perlu digunakan dengan kerap melalui pelbagai cara atau aktiviti. Selain daripada itu, kesilapan yang dilakukan dalam aktiviti ini ialah pelajar mencari makna bagi kosa kata yang jauh daripada kegunaan hariannya. Hal ini kerana kandungan berita selalunya meliputi isu-isu semasa dan persekitaran yang luas. Nation dan Newton (2009) mencadangkan jika matlamat P&P adalah untuk mempelajari nama-nama bahagian badan, fokus utama sebaik-baiknya diberikan kepada perkataan yang berguna terlebih dahulu seperti kepala, leher, tangan, kaki dan sebagainya. Bahagian-bahagian yang kurang digunakan tidak perlu diajar terlebih dahulu.

Selain itu, teknik pengajaran dengan memberi latihan juga kurang diminati oleh pelajar. Berkemungkinan sebahagian responden memberikan latihan yang berulang kali dan hal ini demikian menyebabkan pelajar berasa terbeban dengan latihan-latihan yang diberikan. Menurut Kamarudin (1999), pelajar tidak boleh dibebani dengan latihan yang berulang kali kerana dikhuatiri mereka akan cepat bosan. Aktiviti yang dilakukan juga perlulah munasabah dan bermakna

bagi pelajar. Walau bagaimanapun kesemuanya bergantung kepada sikap pelajar juga. Ada yang meminatinya dan mempunyai motivasi untuk belajar, jadi mereka akan melakukan latihan yang diberi. Namun ada yang tidak meminati pengajaran dan mereka enggan menyiapkan latihan yang diberi. Dapatan kajian tentang sikap pelajar terhadap kemahiran lisan Bahasa Arab juga menunjukkan pelajar mempunyai sikap yang negatif terhadap pengajaran (Ghazali, Nik Mohd Rahimi & Parilah, 2010). Seperti yang dinyatakan oleh responden berikut:

“Latihan tu mereka buat...kalau faham, mereka buat. Tapi, ada yang tak nak belajar ...(mereka tidak buat latihan)... (R4)”

Berdasarkan temu bual yang dijalankan kepada responden kajian yang menjadi pensyarah kepada pelajar asing ini menunjukkan bahawa pelajar tidak berminat dengan teknik pembentangan. Terdapat pelajar yang sering keluar kelas apabila diminta untuk melakukan pembentangan. Masalah akan timbul apabila pembentangan secara berpasangan perlu dilakukan. Hal ini menimbulkan masalah kerana apabila pasangan pembentangan keluar kelas pada waktu hampir pembentangan mereka, jadi pasangannya terpaksa mencari pengganti dan mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Tujuan pensyarah melakukan teknik pembentangan adalah untuk memperkayakan kosa kata pelajar selain mengasah kemahiran komunikasi dalam khalayak. Pembentangan adakalanya dilakukan dengan hanya mengingat kembali kosa kata yang telah dihafal di hadapan kelas seperti yang dilakukan oleh R3, yang meminta pelajar membentangkan kosa kata yang telah dihafal di hadapan kelas sebelum menandatangani kehadiran supaya mereka lebih berani.

“...bercakap di hadapan kelas...di depan khalayak. Ye di situ lah menunjukkan mereka berani bercakap di hadapan.” R3

Teknik ini dilakukan bagi menggalakkan pelajar untuk bertutur di samping menambahkan keyakinan diri mereka untuk bertutur di hadapan

khalayak. Menurut Mahzan (2003), motivasi pelajar boleh ditingkatkan dengan teknik berkongsi bahan yang dihasilkan dengan rakan yang lain. Namun, dapatan kajian ini menunjukkan terdapat pelajar asing tidak berminat dengan kaedah pembentangan seperti ini. Hal ini mungkin dipengaruhi oleh kemahiran bertutur mereka sendiri yang terhad. Jadi, mereka malu untuk ke hadapan dan membuat pembentangan kepada rakan sekelas kerana dikhuatiri akan ditertawakan oleh rakan yang lain. Menurut Siti Saniah (2013), perasaan malu yang ada pada pelajar mendorong mereka untuk berasa rendah diri dan takut untuk bertutur. Selain daripada itu, timbul masalah untuk mereka menyebut perkataan dalam bahasa Melayu akibat daripada pengaruh bahasa ibunda mereka.

KESIMPULAN

Dapatan kajian ini mendapati sepuluh teknik yang digunakan dalam pengajaran kemahiran bertutur dalam kalangan penutur asing ini diminati oleh pelajar walaupun tiga daripada teknik tersebut tidak diminati oleh sebahagian pelajar iaitu teknik pengayaan kosa kata, latihan dan pembentangan. Jadi, pensyarah perlulah lebih bijak dalam mencipta suasana pengajaran yang mampu menarik minat pelajar sekali gus mampu membantu pelajar untuk menguasai kemahiran bertutur Bahasa Melayu.

Menurut Zamri (2012), dalam pemilihan teknik, guru perlu mengambil kira faktor latar belakang pelajar iaitu dari segi fizikal, mental, emosi, persekitaran dan lain-lain. Justeru, guru perlulah bijak menyesuaikan teknik pengajaran dengan kehendak dan latar belakang pelajar supaya teknik yang digunakan dalam pengajaran mampu menarik minat pelajar belajar. Melalui sesi pengajaran yang berkesan mampu meningkatkan kemahiran pelajar dalam setiap mata pelajaran yang dipelajari. Hal ini demikian kerana peranan pensyarah semasa pengajaran berlangsung amat penting memandangkan pelajar asing lebih banyak memberi tumpuan semasa di dalam kelas (Siti Saniah, 2011).

RUJUKAN

- Alessi, S.M. & Trollip, S.R. (1985). *Computer Based instruction: Method and development*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- AtiahHj. Mohd. Salleh & Ramlah Muhamad (2003). *Pengajaran Bahasa Melayu untuk penutur asing*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Fai'zah Abd. Manan, Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. (2009). *Penyelidikan strategi pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa asing dalam kalangan pelajar luar negara*. Prosiding Seminar Pendidikan Serantau Ke-4 2009, 259-268.
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi & Parilah M. Shah (2010). Sikap Pelajar terhadap pembelajaran kemahiran lisan Bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM). *Journal of Language Studies*, 10(3): 15-33.
- Jamaliah Mohd Ali (1995). *Malaysian student seminar: A study of pragmatic features in verbal interaction*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Kamaruddin Husin & Siti Hajar Abdul Aziz (1998). *Pedagogi bahasa: Perkaedahan*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamarudin Husin (1999). *Pengajaran lisan: Kemahiran mendengar dan bertutur*. Selangor: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2011). *Pelan tindakan memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di institusi pengajian tinggi*. Putrajaya: Bahagian Perancangan & Penyelidikan.
- Krashen, S. (1984). *Writing: Research, theory and applications*. New York: Prentice-Hall.
- Mahzan Arshad (2003). *Pendidikan literasi Bahasa Melayu: Satu pendekatan bersepadu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Merriam, S.B. (1998). *Case study research in education: A qualitative approach*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Nation, I.S.P. & Newton, J. (2009). *Teaching ESL/EFL listening and speaking*. New York: Routledge.
- Nunan, D. (1991). *Language teaching methodology*. London: Prentice-Hall.
- Nunan, D. (2003). *Practical English language teaching*. New York: McGraw Hill.
- Patton, M.Q. (1990). *Qualitative research and evaluation methods*. 2nd Edition. Nerbury Park, CA: Sage Publication.
- Rosni Samah (2012). Pendekatan pengajaran kosa kata Bahasa Arab di peringkat menengah rendah: Kajian kepada guru Bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur (SMKAKL). Latihan Ilmiah. Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai.
- Smigiel, H. & Merrit, L. (1999). A new approach to communication training in the work place. *Journal of Vocational Education and Training*, 1: 629-640.
- SitiSaniah Abu Bakar (2011). *Strategi pembelajaran Bahasa Melayu pelajar asing di Malaysia*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- SitiSaniah Abu Bakar (2012). Pandangan pelajar dalam tugas drama yang dijalankan semasa mempelajari Bahasa Melayu. Dlm. Mahzan Arshad, Idris Mohd Radzi & Naffi Mat. (Pnyt.) *Memartabatkan Bahasa Melayu: Pengajaran dan pembelajaran*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- SitiSaniah Abu Bakar (2013). Kekangan pelajar asing dalam menggunakan kemahiran bertutur Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3 (1): 52-62.
- Sueraya Che Haron, Ismail Sheikh Ahmed, Ariffin Mamat & Ismaiel Hassanein Ahmed Mohamad (2010). Memahami strategi pengajaran kemahiran bertutur Bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu di Universiti Islam Antarabangsa (UIA). *Contemporary Issues in Education Research*, 3(8): 9-19.
- Tuan Jah TuanYusof & Faridah Nazir (2011). *Pengajaran kemahiran Bahasa Melayu*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Yashima, T. (2002). Willingness to communicate in the second language: The Japanese EFL context. *The Modern Language Journal*, 86 (1): 54-66.
- Yong Chyn Chye & Vijayaletchumy a/p Subramaniam (2012). Analisis kesalahan dalam pembelajaran Bahasa Melayu oleh pelajar asing. *Gema Online Journal of Language Studies*, 12: 667-692. Diakses daripada

[http:// www.journalarticle.ukm.mypada](http://www.journalarticle.ukm.mypada) 19
September 2013.

Zamri Mahamod (2012). *Inovasi P&P dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Zawawi Ismail, Ab Halim Tamuri, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Mohd Ala-Uddin Othman (2011). Teknik pengajaran kemahiran bertutur Bahasa Arab di SMKA di Malaysia. *Gema Online Journal of Language Studies*, 11: 68-82. Diakses daripada <http://www.journalarticle.ukm.mypada> 5 Julai 2012.